

22 JUL 2004

Razaleigh-Abdullah

SEMUA PIHAK PERLU BERI KERJASAMA DAN SOKONG ABDULLAH, KATA RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah berkata semua pihak perlu berkerjasama dan menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah menang tanpa bertanding jawatan Presiden Umno supaya beliau dapat menjalankan "amanah dengan memberi kepimpinan yang lebih berkesan."

Sambil mengucap tahniah pada Abdullah, Tengku Razaleigh berkata dengan kemenangan itu, "tiada siapa boleh mempertikaikan kedudukan" Perdana Menteri sebagai Presiden parti.

"Dia sekarang bakal menjadi Presiden Umno secara mutlak," katanya pada sidang media di kediamannya di Jalan Langgak Golf di sini hari ini.

Abdullah telah mendapat pencalonan hampir 100 peratus daripada bahagian-bahagian Umno yang telah mengadakan pemilihan masing-masing untuk jawatan Presiden parti itu, dengan Tengku Razaleigh, satu-satu pencabar bagi jawatan tersebut hanya mendapat satu pencalonan daripada bahagiannya Gua Musang.

Tengku Razaleigh, 67, yang mengisytiharkan beliau "out of the running" daripada pertandingan itu berharap Abdullah akan meneruskan program pembangunan negara serta mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan lebih banyak pelabur luar melabur di negara ini.

Tengku Razaleigh berkata kerajaan juga perlu melaksanakan program-program yang sesuai dengan cabaran globalisasi, memandangkan dasar dan program seperti Dasar Ekonomi Baru tidak boleh diteruskan dalam era tersebut.

Selain itu, kerajaan juga harus mempertingkatkan usaha merapatkan jurang pendapatan antara orang Melayu dan bukan Melayu yang pada masa ini "amat meluas dan membimbangkan", begitu juga dengan jurang pendapatan antara orang Melayu kelas bawahan dengan atasan.

Beliau berkata: "Tindakan spesifik dengan program tertentu mesti dilakukan supaya perbezaan yang luas dapat dikurangkan serta dihapuskan"

sebelum timbul masalah sosio-ekonomi di masa depan.

Menyentuh mengenai sokongan yang diterimanya untuk bertanding jawatan Presiden pada pemilihan kali ini berbanding semasa pemilihan parti 1987 di

mana Tengku Razaleigh menerima sokongan sebanyak 49 peratus berbanding Tun

Dr Mahathir, beliau berkata: "Suasana sudah berubah dan isu sudah berlainan," dan pada masa itu isu begitu banyak.

Beliau turut menegaskan tindakannya menawar diri untuk bertanding jawatan Presiden parti kali ini bukan untuk "lawan sesiapa, saya cuma hendak register a point bahawasanya ahli-ahli umno serta rakyat mesti diberi hak untuk memilih pemimpin."

"Sekarang ini kita telah menentukan pemimpin kita dengan memberi pencalonan yang banyak. Kita puas dia (Abdullah) sudah diangkat untuk memimpin kita," kata Tengku Razaleigh.

Ditanya sama ada beliau kecewa kerana hanya menerima satu pencalonan sahaja, Tengku Razaleigh berkata sebagai seorang lelaki yang beradab tertib, beliau mesti menerima keputusan dan realiti dan tidak sepatutnya tidak dapat menerima kekalahan.

"Mungkin hari ini tidak berhasil, mungkin esok berhasil," katanya yang turut menafikan dakwaan bahawa beliau memberi sokongan kepada Abdullah setelah gagal mendapat pencalonan.

Tengku Razaleigh berkata beliau terpaksa menunggu hampir kesemua bahagian Umno mengadakan mesyuarat pemilihan supaya tidak menghampakan penyokong-penyokongnya.

Menyentuh mengenai tindakannya mahu bertanding dan menawarkan diri untuk jawatan Presiden parti, Tengku Razaleigh berkata setiap orang yang menyertai perjuangan politik perlu mempunyai cita-cita tinggi bagi menghasilkan satu perjuangan.

"Kita perlu jadi pemain dan penjaring, seperti permainan bola sepak, daripada semata-mata menjadi penonton," katanya.

Beliau yang turut berkata tidak akan menawarkan diri lagi pada pemilihan parti akan datang kecuali dalam keadaan memaksa, bagaimanapun akan terus aktif dalam politik.

Mengulas saranan beberapa rakan seperjuangannya, termasuk bekas Timbalan Presiden Umno Tan Sri Musa Hitam supaya beliau bersara daripada politik, Tengku Razaleigh berkata beliau tidak akan bersara sehingga

menghembuskan nafas terakhir kerana beliau masih aktif dan sihat untuk bergiat dalam politik.

Sama ada tindakannya untuk bertanding itu telah mencemarkan imej negarawannya, beliau berkata mungkin dan sejarah akan menceritakannya.

Ditanya sama ada Umno Bahagian Gua Musang yang dipimpinnya akan membawa resolusi supaya peraturan menetapkan jumlah pencalonan bagi bertanding jawatan dihapuskan pada pemilihan kali ini, beliau berkata tidak ada rancangan seperti itu.

"Tidak ada apa-apa yang tidak boleh ditukar kecuali al-Quran. Semua peraturan boleh dipinda atau berubah mengikut peredaran masa," katanya.

Tengku Razaleigh juga mengulas mengenai arahannya supaya persidangan perwakilan Pergerakan Wanita Gua Musang ditangguhkan berikutan bantahan anggota serta keputusan Jawatankuasa Pengurusan Umno semalam yang mengesahkan kemenangan Wan Hazani Wan Mohd Noor sebagai Ketua Wanita bahagian itu tanpa bertanding.

Beliau menafikan telah menangguhkan persidangan itu dari 9 Julai kepada 21 Julai berikutan isu Wan Hazani menyokong pencalonan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden.

Tindakan itu diambil kerana pada malam 8 Julai lepas, Umno bahagian menerima bantahan mengenai tindakan beberapa cawangan wanita bahagian itu yang telah mengadakan mesyuarat sebelum tarikh yang dipersetujui oleh semua pihak iaitu pada 25 dan 26 Jun.

Selain itu terdapat anggota parti yang mengadu tidak dimaklumkan mengenai mesyuarat cawangan yang diadakan itu, katanya.

Tengku Razaleigh berkata Badan Perhubungan Umno bahagian itu kemudian menetapkan 21 Julai untuk mengadakan persidangan perwakilan wanita Bahagian itu bagi mencukupkan masa tujuh hari notis yang diperlukan untuk memaklumkan kepada anggota.

Walau bagaimanapun Wanita Bahagian itu telah mengadakan mesyuaratnya pada 16 Julai lepas, katanya.

Tengku Razaleigh bagaimanapun berkata Umno bahagian menerima keputusan jawatankuasa itu dan tidak akan campur tangan atau membuat bantahan.

Wan Hazani menang tanpa bertanding jawatan itu apabila pencabarnya Zubaidah Ariffin diumumkan tidak mendapat pencalonan yang mencukupi

untuk
bertanding jawatan berkeajaan.

-- BERNAMA

HK NM LAT